

RONA TINTA

EDISI 2025



FAKULTI PENGURUSAN & PERNIAGAAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN
KAMPUS REMBAU



CORETAN PENGALAMAN MENYERTAI ACARA BERBASIKAL MOUNTAIN BIKE (MTB) DI KARNIVAL SUKAN STAF UiTM (KARiSTA) 2025

Ahmad Azman Mohamad Ramli

Pada tarikh 24 Ogos 2025 sehingga 30 Ogos 2025 telah berlangsung acara sukan KARiSTA edisi ke VIII, tahun 2025 di UiTM Cawangan Perlis. Acara sukan ini diadakan secara dwitahunan. Sebanyak 22 acara sukan dipertandingkan dan 15 kontinjen dari UiTM seluruh Malaysia menyertainya.



Gambar 1: Logo kejohanan

Penulis yang mewakili kontinjen UiTM Cawangan Negeri Sembilan menyertai acara individu berbasikal MTB. Acara berbasikal MTB di KARiSTA edisi kali ini terbahagi kepada tiga kategori iaitu kategori senior (umur 39 tahun dan ke bawah), kategori veteran (umur 40 tahun dan ke atas) dan kategori terbuka untuk wanita. Penulis menyertai kategori veteran.

Basikal MTB yang digunakan oleh penulis untuk acara ini ialah jenama Kesor – Blade, rangka basikal ialah logam alloy bersaiz 29 inci, dan mempunyai 11 gear kelajuan.



Gambar 2: Basikal jenama Kesor - Blade



Gambar 3: Penulis ketika sesi latihan

Semua peserta KARiSTA yang mewakili kontinjen UiTM Cawangan Negeri Sembilan telah diberi pelepasan kerja selama seminggu di kampus masing-masing untuk berlatih sebelum KARiSTA bermula. Penulis mengambil kesempatan semasa sesi latihan ini untuk cuba meningkatkan kemahiran mengendali basikal dan menguatkan stamina atau daya tahan ketika mengayuh.



Gambar 4: Pingat yang diperolehi penulis

Penulis telah mencuba bersungguh-sungguh untuk memenangi pingat kemenangan, sama ada emas, perak atau gangsa dalam acara ini. Bagaimanapun, nasib tidak menyebelahi penulis untuk KARiSTA kali ini. Peserta-peserta lain juga ramai yang sangat berbakat dan hebat bertanding. Oleh itu penulis terpaksa berpuas hati dengan pingat Finisher sahaja. Semoga di acara KARiSTA akan datang penulis akan memperolehi pingat kemenangan yang diidamkan. Berjumpa lagi di KARiSTA edisi ke IX, tahun 2027!